



## Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

Tingkat Bawah, Menara PTPTN,  
Blok D, Megan Avenue II,  
No.12, Jalan Yap Kwan Seng,  
50450 Kuala Lumpur.

Careline: 03-2193 3000  
Portal Rasmi: [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)  
Aduan: <https://eaduan.ptptn.gov.my>

### BORANG PERMOHONAN PENJADUALAN/ PENSTRUKTURAN SEMULA PINJAMAN PENDIDIKAN

1. Borang yang telah dilengkapkan hendaklah dikemukakan kepada Pejabat PTPTN Negeri/ Cawangan (PPN/ PPC) yang berhampiran. Senarai PPN/ PPC boleh dirujuk melalui Portal PTPTN di alamat [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my).
2. Pelanggan adalah dinasihatkan untuk membaca dan memahami Dasar Privasi dan Keselamatan PTPTN sebelum melengkapkan borang. Dasar tersebut boleh dirujuk melalui Portal PTPTN atau PPN/ PPC yang berhampiran.
3. PTPTN merupakan salah satu agensi Kerajaan yang melaksanakan myIDENTITY. Sehubungan itu, sebarang perubahan pada maklumat perhubungan (alamat surat menyurat, nombor telefon mudah alih dan e-mel) akan turut dikemas kini dan digunakan oleh agensi Kerajaan lain yang melaksanakan myIDENTITY (jika berkaitan). Maklumat lanjut berkenaan myIDENTITY boleh dirujuk melalui laman web myIDENTITY di alamat [www.myidentity.gov.my](http://www.myidentity.gov.my).

#### PERHATIAN:

1. Peminjam dikehendaki membuat bayaran balik melalui Potong Gaji/ *Direct Debit*.
2. Potongan gaji akan dilaksanakan sekiranya **tiada permohonan *Direct Debit*** selepas 30 hari dari tarikh surat tawaran Penjadualan/ Penstrukturan.
3. Peminjam akan tertakluk dengan semua prosedur bayaran balik seperti penyenaian rekod di CCRIS dan notis peringatan.
4. Peminjam yang diluluskan penstrukturan semula/ penjadualan semula/ penggabungan di dalam tempoh pelanjutan penangguhan bayaran balik COVID-19 adalah tidak layak menangguhkan bayaran balik dan hendaklah meneruskan bayaran sama ada melalui Potongan Gaji/ *Direct Debit*.

#### Syarat-Syarat Umum Permohonan Layak Dipertimbangkan:

1. Pinjaman Ujrah.
2. Permohonan terbuka kepada semua status pinjaman termasuk berhenti, batal perjanjian, gagal, menerima penaja lain dan tamat pengajian/ pinjaman.
3. Permohonan penjadualan/ penstrukturan semula bayaran balik pinjaman pendidikan hanya dibenarkan pada bulan berikutnya setelah kelulusan diberikan untuk setiap pinjaman/ pengajian.
4. Had umur maksimum bagi penentuan tempoh penjadualan/ penstrukturan semula bayaran balik pinjaman adalah sehingga 60 tahun.
5. Pinjaman Konvensional yang telah membuat pertukaran kepada pinjaman Ujrah boleh dipertimbangkan penjadualan/ penstrukturan bayaran balik.
6. Peminjam perlu membuat bayaran pendahuluan berdasarkan persetujuan semasa rundingan dan melakukan persetujuan potongan gaji atau *Direct Debit*.

#### Syarat-Syarat Umum Permohonan Tidak Layak Dipertimbangkan:

1. Pinjaman Konvensional.
2. Peminjam telah mencapai umur 60 tahun semasa memohon.

**Permohonan Penjadualan Semula Bayaran Balik**

1. Peminjam akan dikenakan yuran pemprosesan seperti berikut:
  - (i) Kali pertama : dikecualikan
  - (ii) Kali kedua : RM50;
  - (iii) Kali ketiga : RM100;
  - (iv) Kali keempat : RM150; dan
  - (v) Kali kelima dan seterusnya : RM200
2. Peminjam perlu menyelesaikan kos pelbagai (jika ada) terlebih dahulu seperti kos penguatkuasaan, hutang duti setem dan yuran pemprosesan.
3. Penjadualan semula tidak melibatkan perubahan pada jumlah pinjaman, kos upah dan baki tempoh bayaran balik pinjaman asal.

**Permohonan Penstrukturan Semula Bayaran Balik**

1. Peminjam perlu menanggung kos-kos berikut:
  - a) Yuran pemprosesan iaitu:
    - (i) Kali pertama : dikecualikan
    - (ii) Kali kedua : RM50;
    - (iii) Kali ketiga : RM100;
    - (iv) Kali keempat : RM150; dan
    - (v) Kali kelima dan seterusnya : RM200
  - b) Upah tambahan tempoh bayaran balik pinjaman pendidikan;
  - c) Perlindungan Takaful bagi tambahan tempoh bayaran balik pinjaman pendidikan; dan
  - d) Duti setem
2. Peminjam perlu menyelesaikan kos pelbagai (jika ada) terlebih dahulu seperti kos penguatkuasaan, WPP (sekiranya tidak dijelaskan akan dikira sebagai prinsipal baru), hutang duti setem, hutang Takaful dan yuran pemprosesan.
3. Peminjam perlu menyediakan setem hasil berjumlah RM20.

**Dokumen-Dokumen Yang Diperlukan:**

1. Borang Permohonan Penjadualan/ Penstrukturan Semula Pinjaman Pendidikan boleh didapati di Portal Rasmi PTPTN;

Jika bekerja:

2. Salinan slip gaji terkini; atau
3. Penyata cukai terkini.

Jika tidak bekerja/ bekerja sendiri:

4. Penyata KWSP terkini/ Surat Pengesahan Bukan Ahli KWSP; dan
5. Akuan Sumpah

Sila lengkapkan dan hantar borang ini berserta dokumen-dokumen yang diperlukan (tidak dikembalikan) ke Pejabat PTPTN Negeri berhampiran.

**Klasifikasi Pinjaman:**Penjadualan Semula Penstrukturan Semula 

Bil	Perkara	Tandakan(✓)
1	Salinan Slip Gaji Terkini	
2	Penyata Cukai Terkini	
3	Salinan Penyata KWSP Terkini/ Surat Pengesahan Bukan Ahli KWSP	
4	Akuan Sumpah	

**BAHAGIAN 1 – MAKLUMAT PINJAMAN**

No. Pinjaman

Saya ingin memohon untuk mengurangkan ansuran bulanan bayaran balik pinjaman seperti berikut:

Daripada Ansuran Bulanan

R

M

:

Kepada Ansuran Bulanan

R

M

:

*Catatan: Ansuran bulanan sebenar akan ditentukan oleh PTPTN***BAHAGIAN 2 – MAKLUMAT PEMINJAM**

Nama

No. K.P. Baru

No. K.P. Lama/ Tentera/ Polis

Alamat E-mel

No. Gaji/ No. Pekerja

No. Telefon (R)

No. Telefon (HP)

Alamat Surat Menyurat

Poskod

Bandar

Negeri

Alamat Tetap

*\* Jika berbeza dengan di atas*

Poskod

Bandar

Negeri

Status Perkahwinan

Bujang

Berkahwin

Berceraai

Balu

Bilangan Tanggungan

Orang

Kategori Pekerjaan

Bekerja

Tidak Bekerja/ Bekerja Sendiri

**BAHAGIAN 3 – MAKLUMAT MAJIKAN (WAJIB DIISI SEKIRANYA MEMPUYAI MAJIKAN)**

Nama Majikan													AGENSI : Sila pilih (/) Agensi			
Alamat Majikan													Kerajaan			
													Swasta			
Poskod														Bandar		
Negeri																
No. Telefon Majikan																
Alamat E-mel Majikan																
No Gaji																
Kod Pejabat Perakaunan (bagi agensi Kerajaan)																

#### BAHAGIAN 4 – PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SEMASA PEMINJAM\*

Pendapatan Bulanan													
Gaji & Elaun Tetap	R	M								:			
Lain-Lain Pendapatan	R	M								:			
Jumlah Pendapatan Kasar	R	M								:			
Jumlah Pendapatan Bersih	R	M								:			

#### BAHAGIAN 5 – PENGAKUAN PEMINJAM

Saya mengesahkan bahawa maklumat yang diberikan ini adalah sahih dan lengkap. Saya dengan ini memberi kuasa kepada Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) untuk mengesahkan maklumat mengenai saya daripada mana-mana institusi kewangan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia serta mana-mana sumber yang difikirkan sesuai mengenai sebarang maklumat yang dikehendaki PTPTN. Saya dengan ini tertakluk kepada perjanjian Pinjaman Pendidikan dan polisi-polisi berkaitan dengan Penjadualan/ Penstrukturan Semula Pinjaman seperti mana yang telah ditetapkan dan diguna pakai oleh PTPTN.

Saya bersetuju membuat bayaran balik melalui Potongan Gaji selepas permohonan penjadualan/ penstrukturan pinjaman diluluskan.

atau;

Saya bersetuju membuat bayaran balik melalui Direct Debit selepas permohonan penjadualan/ penstrukturan pinjaman diluluskan dan PTPTN berhak mengambil tindakan Potongan Gaji sekiranya **tiada permohonan** Direct Debit selepas permohonan penjadualan/ penstrukturan pinjaman diluluskan.

Tandatangan Peminjam												
Nama Peminjam												
Tarikh												